

Kenyataan Anti Sogokan dan Rasuah

Warisan TC Holdings Berhad dan Kumpulan Syarikatnya (“Kumpulan”)

Kumpulan mengakui bahawa amalan rasuah bukan sahaja akan menjejaskan keberkesanan dan reputasi etika Kumpulan, mengakibatkan kerugian perniagaan, pendakwaan jenayah, hukuman sivil dan pentadbiran, malah ia juga mendatangkan kesan yang besar ke atas aspek ekonomi, alam sekitar dan sosial. Kesan ini termasuk pencabulan hak asasi manusia, hakisan proses politik, kerosakan alam sekitar, herotan persaingan, pengagihan kekayaan dan pertumbuhan ekonomi.

Perniagaan kami dibina di atas hubungan erat dan mampan antara kami dengan pelanggan, rakan usaha sama, rakan teknikal, pembekal dan lain-lain lagi yang bercirikan semangat hormat-menghormati dan amanah antara satu sama lain. Bagi memupuk dan mengekalkan hubungan ini, kami melayani semua orang dengan adil, professional, jujur dan berintegriti.

Sehubungan itu, kami mengambil pendekatan toleransi sifar terhadap sebarang bentuk amalan sogokan dan rasuah. Kami komited sepenuhnya untuk menghapuskan amalan sogokan dan rasuah, disamping memastikan pematuhan Polisi Anti Sogokan dan Rasuah Kumpulan, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 serta undang-undang dan peraturan lain yang terpakai dalam Kumpulan, di bidang kuasa Kumpulan beroperasi dan di kalangan orang yang berkaitan dengan Kumpulan misalnya peniaga, kontraktor, penjual, perunding dan wakil. Kami berusaha keras untuk mencapai komitmen kami melalui pengintegrasian pematuhan budaya atas-bawah ke dalam perniagaan, operasi dan proses Kumpulan, komunikasi dan peringatan yang kerap dibuat kepada pekerja kami dan orang yang berkaitan, pelaksanaan dasar dan prosedur berkaitan yang ketat dan aktiviti lain demi memupuk kesedaran dan memerangi sebarang bentuk rasuah.

Kami memandang serius terhadap amalan sogokan dan rasuah, serta mengamalkan dasar pintu terbuka. Kami tidak akan bertolak ansur dengan tindakan balas dendam terhadap sesiapa yang melaporkan pelanggaran yang benar atau disyaki secara jujur. Perlindungan ini dijamin oleh Dasar Aduan Khas Kumpulan. Sekiranya anda mempunyai maklumat mengenai kelakuan tidak wajar, amalan rasuah atau apa-apa kes pelanggaran undang-undang dan peraturan anti sogokan dan rasuah yang terpakai, sila dedahkan kepada Pegawai Integriti Kumpulan atau Pengerusi Jawatankuasa Audit Lembaga (jika Pegawai Integriti Kumpulan terbabit) melalui saluran pelaporan yang disediakan dalam Dasar Aduan Khas Kumpulan. Semua aduan/maklumat yang kami terima akan disimpan dengan rahsia dan terkawal ketat.

Sila rujuk [Polisi Anti Sogokan dan Rasuah](#) dan [Dasar Aduan Khas](#) untuk maklumat lanjut.